

Kes HFMD di Kelantan meningkat 27 kali ganda

Sebanyak 7,078 kes penyakit berkenaan dicatatkan tahun ini berbanding 261 kes pada tahun lalu

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di Kelantan meningkat 27 kali ganda pada tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu berdasarkan laporan sehingga minggu epidemiologi (ME) ke-28 (Epid 28).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Kelantan,

Dr Izani Husin berkata, jumlah kumulatif kes HFMD yang dilaporkan pada tahun ini ialah sebanyak 7,078 kes berbanding hanya 261 kes pada tahun lalu.

“Namun trend tersebut dilihat semakin menurun pada minggu epid 28 ini iaitu penurunan sebanyak 58.5 peratus berbanding minggu epid 27.

“Dari segi kejadian wabak, sebanyak 25 wabak HFMD telah dilaporkan sehingga minggu epid 28 pada tahun ini berbanding hanya satu wabak sahaja dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun lalu,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Md Alwi Che Ahmad (BN-Kok Lanas) pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-



DR IZANI

14 di Kota Darul Naim di sini pada Selasa.

Dr Izani berkata, tiada wabak baharu dilaporkan pada minggu epid 28 dan terakhir yang dilaporkan pada tahun ini ialah pada minggu epid 24.

Menurutnya, sebahagian besar wabak yang dilaporkan melibatkan taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Katanya, daripada jumlah kes HFMD yang dilaporkan pada tahun ini majoriti kes adalah kanak-kanak yang berumur satu hingga empat tahun iaitu sebanyak 68 peratus.

“Kota Bharu mencatatkan kes paling tinggi iaitu 2,968 kes, diikuti Pasir Mas (610) dan Pasir Puteh (561),” katanya.